


PEMANDU
kenderaan
memasang lampu
berikutan jerebu
tebal.



Harian metro
26/9/2015
m/s 20

MATAHARI
djselubungi jerebu
dirakamkan
di kawasan Rehat
dan Rawat (R&R)
Pagoh.



21 PENERBANGAN DIBATALKAN

■ Jerebu tebal punca jadual berlepas di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail ditangguh

Jerebu yang semakin kritikal di beberapa kawasan sekitar Johor Bahru semalam, menyebabkan 21 penerbangan yang dijadualkan berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail di sini, terpaksa dibatalkan manakala lima yang lain ditangguhkan.

Ketua Pegawai Operasi Senai Airport Terminal Services Sdn Bhd Noor Safura Suib berkata, jumlah itu membabitkan penerbangan pesawat ke destinasi domestik dan antarabangsa bagi empat syarikat yang beroperasi di lapangan terbang itu iaitu Penerbangan Malaysia (MAS), Fire Fly, Malindo Air dan AirAsia.

Menurut Noor Safura, bagaimanapun, tiga penerbangan meneruskan operasi mengikut jadual yang ditetapkan selepas mendapati keadaan memuaskan.

“Jumlah penerbangan yang dibatalkan hari ini (semalam) lebih banyak berbanding sebelumnya akibat faktor cuaca semasa iaitu jerebu kerana ia membahayakan semua pihak.

“Bagaimanapun, penumpang akur dengan keadaan itu dan memberi kerjasama dengan mendapatkan alternatif lain untuk ke destinasi ma-

ing-masing. Buat masa ini, kita mendapat kerjasama baik daripada syarikat penerbangan yang beroperasi di sini dan akan terus berhubung dengan mereka,” katanya ketika ditemui.

Pada masa sama, Noor Safura berkata, pihaknya turut memantau bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang dikeluarkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dari semasa ke semasa.

Menurutnya, langkah itu sebagai persediaan bagi menghadapi sebarang kemungkinan sepanjang tempoh jerebu termasuk persediaan ke-

cemasan.

“Kita sentiasa merujuk segala maklumat khasnya berkaitan dengan bacaan IPU di portal JAS. Mengenai penumpang pula, syarikat penerbangan yang akan memaklumkan sebarang perubahan waktu penerbangan atau pembatalan,” katanya.

Menurut Noor Safura, pembatalan atau penangguhan hanya dilakukan apabila keadaan memerlukan kerana pihaknya menitik beratkan keselamatan semua pihak.

“Apabila keadaan pulih, semua penerbangan akan beroperasi seperti biasa namun buat masa ini, kami terpaksa mengambil keputusan membatalkan penerbangan,” katanya.

BACAAN IPU DI BEBERAPA TEMPAT SEMALAM

LOKASI	6 PAGI	12 TENGAH HARI	6 PETANG
Kota Tinggi, Johor	134	126	120
Larkin Lama, Johor	176	185	158
Pasir Gudang, Johor	186	189	172
Balok Baru, Kuantan, Pahang	154	158	146
Indera Mahkota, Kuantan, Pahang	132	135	125
Jerantut, Pahang	94	100	102
Kemaman, Terengganu	141	154	141
Paka, Terengganu	104	116	126

0-50 BAIK	51-100 SEDERHANA	101-200 TIDAK SIHAT	201-300 SANGAT TIDAK SIHAT	>301 BAHAYA
--------------	---------------------	------------------------	-------------------------------	----------------

Sumber : Laman web rasmi Jabatan Alam Sekitar

FAKTA
Syarikat penerbangan memaklumkan perubahan jadual penerbangan kepada penumpang

SEORANG gadis memakai topeng muka ketika menunggu bas akibat cuaca berjerebu di taman perumahan di Johor Bahru, semalam.